

MAHATHIR.

1977

ALOR SETAR, 13 MAC (BERNAMA) -- SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI SEKARANG AKAN HANCUR JIKA RAKYAT TERPENGARUH DENGAN GOLONGAN YANG MENYATAKAN BAHAWA IA PERLU DIGANTI DENGAN SATU SISTEM PENTADBIRAN YANG LEBIH KERAS.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED KETIKA MEMBERI AMARAN ITU MENGINGATKAN SEKIRANYA SISTEM DEMOKRASI YANG ADA SEKARANG HANCUR, RAKYAT AKAN MENDERITA DAN NEGARA PORAK PERANDA.

DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN ITU, KETIKA MERASMIKAN MAJLIS DAILOG PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN ANJURAN PEJABAT PENERANGAN NEGERI DAN UMNO BAHAGIAN ULU MUDA DI SEKCLAH MENENGAH SUNGAI TIANG, KIRA-KIRA 40 BATU DARI SINI HARI INI.

+OLEH YANG DEMIKIAN, SETIAF RAKYAT KHASNYA AHLI-AHLI UMNO PERLU MEMAHAMI DENGAN BETUL, SISTEM DEMOKRASI YANG ADA SEKARANG SUPAYA IA DAPAT DIKEKALKAN, + KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN SATU KEISTIMEWAAN YANG TERDAPAT DALAM SISTEM DEMOKRASI DI NEGARA INI IALAH ADANYA MAJLIS DAILOG DIMANA MENTERI BERJUMPA RAKYAT UNTUK MENGETAHUI SECARA TERUS MASALAH YANG MEREKA HADAPI.

+SISTEM PERHUBUNGAN TERUS ANTARA KERAJAAN DENGAN RAKYAT TELAH DAPAT MERAPATKAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK DAN IA TIDAK DIAMALKAN DI NEGARA-NEGARA LAIN YANG LAMA MENGAMALKAN DEMOKRASI. -- BERSAMBUNG 1744/A1

EE

B555:

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

DR. MAHATHIR MENEGUR NEGARA-NEGARA YANG MENGAKUI SISTEM DEMOKRASI MEREKA ADALAH BAIK DARI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI SEDANGKAN PADA HAKIKATNYA SISTEM PENTADBIRAN MEREKA ADALAH LEBIH BURUK.

NEGARA-NEGARA ITU SELALU MENGECEM NEGARA INI DAN MENGATAKAN BAHAWA MALAYSIA MENGAMALKAN DISKRIMINASI DAN UNDANG-UNDANG YANG KERAS TETAPI SEBENARNYA KEADAAN DI NEGARA MEREKA ADALAH LEBIH BURUK.

KATANYA, KERAJAAN YANG ADA SEKARANG ADALAH BERTANGGUNGJAWAB DAN SENTIASA MENUMPUKAN USAHA PADA PEMBANGUNAN RAKYAT DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA DALAM MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN KERAJAAN TIDAK MUNGKIN DAPAT MEMBERI DAN MELAKSANAKAN SEMUA KEMENDAK RAKYAT DAN TIDAK MENUMPUKAN USAHANYA DI SATU-SATU TEMPAT SAHAJA.

RAKYAT PERLU SEDAR BAHAWA KADANGKALA KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERI APA YANG INGIN DIBERIKAN KEPADA MEREKA KERANA IA TIDAK BERKEMAMPUAN.

OLEH ITU MEREKA HENDAKLAH MENGIKIS TABIAT TIDAK PUASHATI KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN BURUK TERHADAP MASYARAKAT DAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1748/A1

22

B556:

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

MENGENAI KESELAMATAN DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA DAPAT BERDIPAKARI MENENTANG ANCAMAN MUSUH KERANA PASUKAN KESELAMATAN NEGARA INI ADALAH KUAT, BERSEMANGAT TINGGI DAN MENCUKUPI.

KATANYA, PERJANJIAN SEMPADAN BARU MALAYSIA-THAI ADALAH SATU PERKEMBANGAN SIHAT YANG AKAN MEMBOLEHKAN KEDUA NEGARA MENGHANCURKAN MUSUH YANG SAMA.

SEMENTARA ITU, KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN 30 TAHUN UMNO, BAHAGIAN JERAI, KIRA-KIRA 19 BATU DARI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA UMNO TIDAK INGIN MELIHAT PARTI ITU BERTUKAR CURAK.

OLEH ITU KADANGKALA GOLONGAN TUA NAMPAKNYA AGAK BINBANG UNTUK MENYERAH PIMPINAN KEPADA GOLONGAN MUDA KERANA TAKUTKAN PARTI ITU BERTUKAR CURAK.

BELIAU MENYERU SETIAP AHLI SUPAYA MENGHIDUPKAN SEMANGAT SANGGUP BEKERJA DAN BERTEKUN DEMI MENGEKALKAN CURAK PERTUBUHANNYA ITU.

KATANYA, UMNO TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT UNTUK ORANG-ORANG YANG ANGKUH. SETIAP AHLI PERLU TAHU MERENDAHKAN DIRI. -- BERSAMBUNG
1752/AI

MAHATHIR 4 ALOR SETAR

DR. MAHATHIR MENEGUR GOLONGAN TERPELAJAR DI NEGARA INI YANG ENGGAN PULANG KE KAMPUNG UNTUK MEMBANTU RAKYAT LUARBANDAR MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA.

BELIAU BERKATA SIKAP ITU ADALAH BURUK DAN AMAT MERUGIKAN NEGARA. -- BERNAMA 1752/AI